

Jepun dapat kontrak bukan kerana Dasar Pandang Ke Timur-PM

UM 14 MAW 1984

PETALING JAYA 13 Mac - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan hari

ada soal

inigara membeliba-

kitantrak terbukn kepada semua, bukan kepada Jepun sahaja dan jika mereka mendapatinya itu adalah secara kebetulan sahaja. Peluang mendapat kontrak besar di sini tidak bergantung dari negara mana mereka datang.

"Sebab kita membeli lebih dari Jepun, terutamanya peralatan industri, kerana bekalannya murah sekali. Tidak ada guna kita komplet mereka tidak membeli lebih banyak barang dari kita kerana kita tidak ada barang mereka perlukan untuk dijual," kata Perdana

Menteri. Beliau dalam

pe-latih

Melayutor sini hotel Dayang di ini.

Per-

dana Menteri berharap agar pihak - pihak yang cuba menggagalkan Dasar Pandang Ke Timur supaya menghentikan usaha mereka itu.

Datuk Sri Dr. Mahathir kesal kerana sehingga sekarang masih ramai orang sama ada di dalam atau di luar negeri yang tidak memahami maksud sebenar Dasar Pandang Ke Timur.

Katanya mereka tidak melihat Dasar Pandang Ke Timur dari segi peluang latihan yang diperolehi oleh kontraktor tempatan sendiri ataupun peluang usahasama

demi-sc-

yang semuanya membantu meningkatkan kebolehan mereka untuk berdiri atas kaki sendiri kelak.

Dulu semasa tidak ada dasar itu, sekalipun ada kontraktor - kontraktor besar di negara ini, mereka tidak ada peluang latihan dan tidak dapat meningkatkan kebolehan.

"Begitu juga dengan kontraktor kecil, dulu tidak ada peluang usahasama, sekarang sudah jadi besar dan boleh membina bangunan-bangunan yang dulunya mereka tidak boleh bina," ujarnya.

Ini semua, katanya jelas menunjukkan Dasar Pandang Ke Timur membawa banyak hasil, "saya harap mereka yang berusaha untuk menggagalkan dasar itu menghentikan usaha itu," tambah beliau.

Beliau berpendapat apa yang menjadi masalah ialah ramai orang yang mengang-

gap Dasar Pandang Ke Timur cuma memperkdyakan kontraktor - kontraktor dari Jepun dan tidak langsung kontraktor tempatan.

Menurut Perdana Menteri Dasar Pandang Ke Timur tidak ada kena menena langsung dengan soal kontraktor dari Jepun mendapat kontrak di Malaysia.

Kata Datuk Sri Dr. Mahathir jika mereka mendaftarnya itu semua secara kebetulan sahaja kerana kontrak di negara ini terbuka kepada semua dan peluangnya tidak bergantung kepada dari negara mana mereka datang.

Beliau menganggap rungutan yang wujud ke atasnya sebagai ulangan apa yang berlaku sebelum kedatangan kontraktor dari Jepun, "sekarang kontraktor - kontraktor besar di Malaysia merungut ia menguntungkan Jepun," katanya.

"Tetapi dulu kontraktor -

kontraktor kecil di negara ini berkata hanya para kontraktor besar tempatan sahaja yang dipilih menerima kontrak besar," tambah beliau.

Katanya perkara yang sama timbul dalam soal pembelian barang - barang dari Jepun, "mereka berkata mengapa kita membeli lebih dari Jepun sedangkan mereka tidak membeli banyak dari kita," ujarnya.

Perdana Menteri berkata sebab mengapa Malaysia membeli lebih, khususnya peralatan industri adalah kerana bekalan dari Jepun lebih murah.

Datuk Sri Dr. Mahathir mengesakan tidak adaguna merungut soal ini kerana Malaysia tidak mempunyai banyak barang diperlukan oleh Jepun yang boleh dijual.

Katanya, "pernah satu ketika di New York saya ditanya apakah masalah utama yang dihadapi dalam memasarkan barangan dari negara ini, saya menjawab masalahnya ialah tidak ada barang yang hendak dijual."